



**KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI  
JABATAN STANDARD MALAYSIA**

## **UCAPAN**

**YBRS EN. HUSSALMIZZAR BIN HUSSAIN**

**PENGARAH KANAN**

**JABATAN STANDARD MALAYSIA**

**MAJLIS PENYERAHAN SIJIL AKREDITASI MS ISO/IEC 17025:2017  
DAN PERASMIAN MAKMAL FORENSIK, BAHAGIAN FORENSIK  
TEKNOLOGI (BFT), SPRM**

**19 DISEMBER 2024**

**IBU PEJABAT SPRM**

Terima kasih Tuan/Puan, Pengerusi Majlis.

**YBhg Tan Sri Dato' Sri Haji Azam Baki**

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

**Yang Berusaha Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya Tuan Wan Zulkifli bin Wan Jusoh**

Pengarah Bahagian Forensik Teknologi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Pengurusan Tertinggi SPRM, Pegawai-Pegawai Kanan SPRM dan JSM

Seterusnya, YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan para hadirin yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi, salam sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Pertama sekali, Jabatan Standard Malaysia ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana sudi menjemput kami ke Majlis Penyerahan Sijil Akreditasi MS ISO/IEC 17025 kepada Makmal Forensik, Bahagian Forensik Teknologi (BFT), SPRM.

Penganugerahan akreditasi MS ISO/IEC 17025 kepada Makmal Forensik SPRM pada 13 November 2024 bagi pengujian *Forensic Science* adalah satu pencapaian yang amat bermakna. Ia membuktikan bahawa Makmal Forensik SPRM bukan sahaja mematuhi standard antarabangsa dalam sistem pengurusan makmal dan mempunyai sumber personel yang mempunyai kompetensi teknikal, tetapi juga memperkukuhkan integriti serta kredibiliti hasil keputusan analisis forensik yang dihasilkan. Pencapaian ini amat penting untuk mempertingkatkan keyakinan masyarakat terhadap usaha SPRM dalam membanteras jenayah rasuah.

YBhg. Dato'/Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

Akreditasi memastikan prosedur dan metod yang digunakan dalam makmal memenuhi tahap ketelitian yang tinggi. Hal ini dapat mengurangkan risiko kesilapan dalam keputusan forensik, yang sangat penting untuk siasatan jenayah dan perbicaraan di mahkamah. Proses ini melibatkan audit dan penilaian oleh pihak ketiga yang memberikan pandangan objektif tentang prestasi makmal. Selain itu, ia memastikan budaya peningkatan berterusan melalui penambahbaikan proses dan teknologi.

Dengan struktur kerja yang lebih sistematik, termasuk dokumentasi, kawalan kualiti, dan pengurusan risiko, makmal dapat mengoptimumkan sumber manusia dan peralatan, sekaligus menjimatkan kos jangka panjang. Ini bukan sahaja satu pencapaian, tetapi juga satu komitmen untuk mengekalkan kecemerlangan dan terus meningkatkan kualiti perkhidmatan.

Saya yakin bahawa pengiktirafan ini akan menjadi pemangkin kepada usaha warga SPRM untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik demi menegakkan keadilan dan memelihara integriti negara. Di samping itu, ia turut memperkukuhkan reputasi SPRM sebagai sebuah badan yang profesional dan berwibawa.

YBhg. Dato'/Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak, khususnya warga Makmal Forensik SPRM, yang telah memberikan kerjasama erat sepanjang proses akreditasi ini. Semoga kejayaan ini menjadi inspirasi kepada kita semua.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Makmal Forensik SPRM atas kejayaan ini. Semoga ia menjadi asas kukuh untuk terus maju dalam melaksanakan amanah yang diberikan.

Sekian, saya sudahi dengan ucapan

Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.